

Anwar pulangkan paku buah keras' kepada kepimpinan PN

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, 'memulangkan paku buah keras' dengan mempersoalkan sama ada pemimpin Perikatan Nasional (PN) yang kini didakwa di mahkamah perlu meletakkan semua jawatan dalam parti.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhli Shaari (PAS-Pasir Mas) pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat mengenai pelantikan anggota pentadbiran tertinggi yang berdepan kes di mahkamah ketika ini menjejaskan agenda Malaysia MADANI.

Menjawab soalan itu, Anwar berkata, beliau mempunyai pendirian bahawa tindakan tidak boleh diambil berdasarkan pendakwaan sahaja sebelum penghakiman dibuat.

"Tindakan tidak boleh diambil berdasarkan pendakwaan sebelum penghakiman... ini pernah disebut oleh Ahli Parlimen Marang (Tan Sri Abdul Hadi Awang dalam kenyataan tidak tegas ketika itu.

"Hari ini (semalam) umpamanya ada ahli Yang Berhormat didakwa adakah perlu beliau meletak semua jawatan dan kedudukan dalam parti? Tentu jaw-

pannya belum... tidak... begitu juga pendirian saya dalam kes ini.

"Dalam kes ini, apa yang saya lakukan ialah maklum pada Peguam Negara, Ketua Hakim Negara bahawa Malaysia mesti tegak atas prinsip negara, saya tidak mahu menghukum sebelum mahkamah, proses mahkamah yang telus dan bebas," katanya.

Pada masa sama, Anwar yang juga Menteri Kewangan mendedahkan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sejak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, patuh kepada prinsip dan dasar kerajaan dengan menolak usul tindakan segera tanpa tender yang dibawa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kepada beliau sebelum ini.

"Ada satu kes membabitkan syarikat GLC di bawah beliau yang mengusulkan beberapa tindakan segera tanpa tender, beliau sebaliknya menulis supaya patuh kepada arahan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri semua mesti mengikut proses tender.

"Ini kali pertama saya sebut saya tidak maklum kepada beliau, saya beri jaminan tiada hasrat ganggu proses ini cuma per-

sepsi mungkin tepat yang disebut Pasir Mas, saya hanya boleh beri jaminan ia tidak menjejaskan prinsip dan dasar Malaysia Madani yang saya bangukan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihaknya memberi jaminan siasatan dalam soal rasuah, penyelewengan dan pemunggaan kekayaan yang mempunyai bukti tidak akan mengira mana-mana pihak meskipun ia datang daripada pemimpin partinya sendiri, PKR.

Ini kerana beliau yang juga Presiden PKR berkata, pihaknya tidak boleh memberi jaminan bahawa parti pimpinannya itu sendiri 100 peratus bersih.

"Saya tidak mahu meminta maaf, tiada hubungan peribadi walaupun saya tahu saya dikutuk kononnya saya mencari salah, saya tidak peduli untuk ambil tindakan walau dari PKR sendiri.

"Arahan saya termasuk pagi tadi (semalam) melalui mesyuarat dengan badan (berkaitan), supaya ambil tindakan, saya tidak peduli termasuk dari PKR sendiri.

"Saya tidak boleh beri jaminan parti saya 100 peratus bersih seperti mana orang belah sana (Perikatan Nasional) bicara 'kami semua bersih' namun terbukti ia

tidak benar," katanya.

Sementara itu, Anwar mempertahankan tindakannya mendedahkan isu dalam negara termasuk rasuah ketika kunjungannya ke luar negara.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya memberitahu perkara sebenar bahawa Malaysia sedang bergelut dengan masalah dan melakukan islah atau usaha membetulkan keadaan.

"Ada yang sebut saya mengecam Malaysia di luar negara... ini kenyataan, sama ada di Jakarta (Indonesia), Thailand... saya akan sebut.

"Mengapa saya hendak beritahu Malaysia negara yang 100 peratus bersih, nampak sangat saya penipu saya beritahu apa sebenarnya, kita sedang bergelut melakukan islah kerana ada masalah," katanya, semalam.

Kelmarin, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (PN-Pasir Puteh) ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja mendakwa ucapan Perdana Menteri ketika lawatan kerja ke luar negara seolah-olah menghinakan rakyat Malaysia dengan mendedahkan situasi yang berlaku dalam negara.